

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Isnin, 15 Januari 2018

M/S : 76

Sasar terbit 31,700 judul buku setahun

Kuala Lumpur: Kerajaan menyasarkan penerbitan buku tanah air mencapai 31,700 judul setahun menjelang 2020 berbanding 19,713 tahun lalu seiring jumlah rakyat Malaysia sekitar 31.7 juta sekarang.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata sasaran itu berdasarkan standard penerbitan negara maju yang disyorkan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), iaitu satu judul bagi 1,000 penduduk.

"Patik percaya sasaran disebut tadi dapat dicapai dengan adanya pengemblengan usaha dan sokongan pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, swasta serta pihak yang terbabit secara langsung dalam industri," katanya.

Mohamed Nazri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis pelancaran buku *Istana Pahang: The Palace of*

Pahang terbitan Universiti Putra Malaysia (UPM Press) di Perpustakaan Negara Malaysia, di sini.

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan melancarkan buku berkenaan yang ditulis oleh Orang Besar Istana Pahang, Datuk Seri Halim Ibrahim dan pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM Prof Madya Datuk Dr Norhasni Zainal Abidin.

Kemajuan industri buku

Mohamed Nazri, berkata amalan membaca dan kadar literasi menjadi faktor utama kemajuan industri buku dan penentu kejayaan Malaysia mencapai sasaran sebagai Kota Buku Dunia pada 2020.

Beliau turut menzahirkan harapan memperkukuh kerjasama dengan kerajaan Pahang, khususnya dalam usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan, sekali gus mempromosikan Pahang sebagai destinasi pelancongan ilmu tahun ini. - BERNAMA



Tengku Abdullah dan Mohamed Nazri pada majlis pelancaran buku *Istana Pahang: The Palace of Pahang* di Perpustakaan Negara, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]